

Subramaniam Beri Reaksi Positif Mengenai Spekulasi Tanding Jawatan Presiden MIC
Bernama
14 Ogos, 2013

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr S. Subramaniam memberikan reaksi positif terhadap spekulasi bahawa beliau akan mencabar penyandang Datuk Seri G. Palanivel pada pemilihan jawatan presiden MIC, 22 Sept ini.

Enggan menafi atau mengesahkan spekulasi itu, timbalan presiden parti itu ketika ditanya mengenai isu itu, beliau secara ringkas hanya menjawab: "Di mana sahaja saya pergi, tiada siapa yang berkata tidak kepada saya."

Dr Subramaniam, yang juga Menteri Kesihatan, berkata beliau akan mengumumkan keputusan muktamad mengenai pendiriannya dalam masa terdekat.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan buku perubatan herba dalam bahasa Tamil yang pertama kali diterbitkan dalam negara tulisan tabib Siddha tempatan, Dr M.S Chelliah di sini.

Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC telah menetapkan 1 Sept ini sebagai tarikh penamaan calon presiden dan sekiranya ada pertandingan, maka pengundian akan dijalankan pada 22 Sept ini.

Pertandingan untuk jawatan timbalan presiden, tiga naib presiden dan 23 anggota CWC akan diadakan pada November atau Disember ini.

Dalam perkembangan lain, Dr Subramaniam berkata Kementerian Kesihatan akan memperkenalkan variasi sistem perubatan tradisional di hospital kerajaan di seluruh negara sebagai satu langkah baharu ke arah rawatan lebih holistik.

Beliau berkata sehingga kini, kerajaan telah memperkenalkan rawatan akupunktur dan ayurveda, sejenis kaedah perubatan tradisional di hospital kerajaan yang terpilih.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970017>